

**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 10 Januari 2025**

## KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,  
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya  
No. Telefon : 03 - 8090 4681

### STATISTIK TENAGA BURUH, MALAYSIA, NOVEMBER 2024

**Bilangan penganggur turun kepada 546.7 ribu orang pada November 2024,  
merekodkan kadar pengangguran 3.2 peratus**

**PUTRAJAYA, 10 JANUARI 2025** – Bilangan penganggur turun kepada 546.7 ribu orang pada November 2024, merekodkan kadar pengangguran 3.2 peratus, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini dalam siaran **Statistik Tenaga Buruh, Malaysia, November 2024**. Statistik ini memperihalkan kedudukan penawaran buruh berdasarkan Survei Tenaga Buruh yang dilaksanakan oleh DOSM.

Mengulas mengenai prestasi keseluruhan bagi November 2024, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Prestasi ekonomi Malaysia terus kukuh menjelang penghujung tahun 2024 membawa kepada kedudukan pasaran buruh negara yang semakin stabil pada bulan November 2024. Oleh itu, bilangan tenaga buruh pada bulan November 2024 terus mengukuh dengan kenaikan sebanyak 0.1 peratus merekodkan 17.29 juta orang (Oktober 2024: 17.27 juta orang). Kadar penyertaan tenaga buruh tidak berubah iaitu pada 70.5 peratus, seperti yang direkodkan pada bulan lalu."

Selanjutnya, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa bilangan penduduk bekerja berada pada trend menaik, meningkat sebanyak 0.2 peratus kepada 16.75 juta orang pada November 2024, berbanding 16.72 juta orang pada Oktober 2024. Sementara itu, bilangan penganggur terus berkurang kepada 546.7 ribu orang, turun sebanyak 0.9 peratus daripada 551.4 ribu orang pada Oktober 2024. Kadar pengangguran bagi November 2024 kekal pada 3.2 peratus, seperti pada bulan sebelumnya.

Mengulas lebih lanjut mengenai situasi guna tenaga, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Sebahagian besar penduduk bekerja pada bulan November 2024 adalah dalam kategori pekerja, merangkumi 74.9 peratus. Kategori ini menunjukkan

peningkatan marginal iaitu sebanyak 0.1 peratus, menjadikan jumlah keseluruhan kepada 12.54 juta orang (Oktober 2024: 12.53 juta orang). Pada masa yang sama, terdapat trend peningkatan dalam kategori penduduk bekerja sendiri, dengan pertambahan 0.4 peratus kepada 3.11 juta orang berbanding 3.10 juta orang pada Oktober 2024.”

Mengikut sektor ekonomi, sektor Perkhidmatan terus merekodkan peningkatan dalam bilangan penduduk bekerja, terutamanya dalam aktiviti Perdagangan borong & runcit; Pengangkutan & penyimpanan; serta Maklumat & komunikasi. Trend yang sama dalam bilangan guna tenaga juga dilihat dalam sektor Pembuatan, Pembinaan, Perlombongan & pengkuarian, dan Pertanian pada November 2024.

Menjelaskan lebih lanjut mengenai situasi pengangguran pada bulan November, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan, atau penganggur aktif, merangkumi 79.8 peratus daripada jumlah penganggur. Kumpulan ini mencatatkan pengurangan sebanyak 0.9 peratus kepada 436.2 ribu orang (Oktober 2024: 440.0 ribu orang). Mengikut tempoh pengangguran bagi penganggur aktif, mereka yang menganggur kurang daripada tiga bulan meliputi 62.6 peratus, manakala mereka yang berada dalam pengangguran jangka panjang melebihi setahun adalah sebanyak 6.0 peratus. Begitu juga, penganggur tidak aktif, atau mereka yang percaya bahawa tiada pekerjaan tersedia, turun sebanyak 0.7 peratus kepada 110.6 ribu orang (Oktober 2024: 111.4 ribu orang).

Pada bulan November 2024, kadar pengangguran belia bagi mereka yang berumur 15 hingga 24 tahun kekal pada 10.4 peratus, mencatatkan 300.6 ribu penganggur belia (Oktober 2024: 10.4%; 301.5 ribu orang). Pada masa yang sama, kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 30 tahun mencatatkan penurunan sebanyak 0.1 mata peratus kepada 6.2 peratus, dengan 415.6 ribu penganggur belia berbanding bulan sebelumnya (Oktober 2024: 6.3%; 420.2 ribu orang).


Bagi penduduk di luar tenaga buruh, bilangan penduduk yang tidak berada dalam tenaga buruh berubah sedikit pada bulan November 2024, dengan sedikit penurunan sebanyak 0.02 peratus kepada 7.23 juta orang (Oktober 2024: 7.23 juta orang). Komposisi utama luar tenaga buruh adalah kerja rumah/ tanggungjawab keluarga, dengan peratus sumbangan sebanyak 43.1 peratus, diikuti oleh kategori bersekolah/ latihan (42.3%).

Mengakhiri kenyataan tersebut, kedudukan pasaran buruh Malaysia yang stabil antaranya adalah disokong oleh aktiviti pengambilan pekerja yang menggalakkan berikutan pengembangan berterusan dalam aktiviti perniagaan selari dengan pertumbuhan ekonomi domestik yang baik. Justeru, prestasi tenaga buruh negara dilihat akan terus berada dalam kedudukan yang kukuh pada bulan-bulan berikutnya, susulan ekonomi Malaysia kekal berdaya tahan dengan pertumbuhan yang stabil.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.


**Carta 1:** Penduduk bekerja, Malaysia, November 2021 - November 2024



**Carta 2:** Pengangguran, Malaysia, November 2021 - November 2024



**Carta 3: Luar tenaga buruh, Malaysia, November 2021 - November 2024**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
10 JANUARI 2025**

**Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, January 10<sup>th</sup> 2025**

# MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,  
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,  
62514 Federal Territory of Putrajaya  
Telephone : 03 - 8090 4681

## LABOUR FORCE STATISTICS, MALAYSIA, NOVEMBER 2024

---

***The number of unemployed decreased to 546.7 thousand persons in November 2024, recording a 3.2 per cent unemployment rate***

**PUTRAJAYA, JANUARY 10, 2025** – The number of unemployed decreased to 546.7 thousand persons in November 2024, recording a 3.2 per cent unemployment rate, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today in the release on **Statistics of the Labour Force, Malaysia, November 2024**. The statistics described the labour supply situation based on the Labour Force Survey conducted by DOSM.

Commenting on the overall performance for November 2024, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “Malaysia's continued strong economic performance towards the end of 2024 has led to the country's labour market position becoming more stable in November 2024. Therefore, the number of labour force in November 2024 strengthened further with an increase of 0.1 per cent to record 17.29 million persons (October 2024: 17.27 million persons). The labour force participation rate remained unchanged at 70.5 per cent, as in the prior month.”

In addition, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated that the number of employed persons was on an upward trend, increasing by 0.2 per cent to 16.75 million persons in November 2024, compared to 16.72 million persons in October 2024. In the meantime, the number of unemployed persons continued to decrease to 546.7 thousand persons, a decline of 0.9 per cent from 551.4 thousand persons in October 2024. The unemployment rate for November 2024 remained at 3.2 per cent, as in the previous month.

Elaborating further on the employment situation, the Chief Statistician of Malaysia said, "The majority of employed persons in November 2024 was in the employees' category, constituting 74.9 per cent. This category experienced a marginal increase of 0.1 per cent, bringing the total to 12.54 million persons (October 2024: 12.53 million

persons). On the same note, there was an upward trend in the category of own-account workers, with a 0.4 per cent increase to 3.11 million persons compared to 3.10 million persons in October 2024."

By economic sectors, the Services sector continued to record a rise in the number of employed persons, largely in Wholesale & retail trade; Transportation & storage; and Information & communication activities. A similar trend in the number of employments was also observed in Manufacturing, Construction, Mining & quarrying, and Agriculture in November 2024.

Explaining further on the unemployment situation in November, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated that those who were available for work and were actively seeking jobs, or the actively unemployed, comprised 79.8 per cent of the total unemployed persons. This group registered a decrease of 0.9 per cent to 436.2 thousand persons (October 2024: 440.0 thousand persons). By duration of unemployment for the actively unemployed, those who were unemployed for less than three months made up 62.6 per cent, while those who were in long-term unemployment for more than a year were 6.0 per cent. Likewise, the inactively unemployed, or those who believed that there were no jobs available, edged down by 0.7 per cent to 110.6 thousand persons (October 2024: 111.4 thousand persons).

In November 2024, the youth unemployment rate for those aged 15 to 24 years stood at 10.4 per cent, registering 300.6 thousand unemployed youths (October 2024: 10.4%; 301.5 thousand persons). On the same note, the unemployment rate for youth aged 15 to 30 years posted a decline of 0.1 percentage points to 6.2 per cent, with 415.6 thousand unemployed youths compared to the preceding month (October 2024: 6.3%; 420.2 thousand persons).


As for those outside the labour force, the number of those not participating in the labour force changed little in November 2024, with a slight decline of 0.02 per cent to 7.23 million persons (October 2024: 7.23 million persons). The major composition of the outside labour force was housework/ family responsibilities, with a share of 43.1 per cent, followed by the schooling/ training category (42.3%).

Concluding the statement, Malaysia's steady labour market situation is bolstered by encouraging recruitment activities following the ongoing expansion of business activities in tandem with healthy domestic economic growth. Therefore, the country's labour force performance is anticipated to remain strong in the upcoming months, as the Malaysian economy remains resilient with stable growth.


The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogues and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20<sup>th</sup>. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.


**Chart 1: Employed persons, Malaysia, November 2021 - November 2024**



**Chart 2: Unemployment, Malaysia, November 2021 - November 2024**



**Chart 3: Outside labour force, Malaysia, November 2021 - November 2024**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA**

**DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**10<sup>th</sup> JANUARY 2025**